

Anak berkualiti gejala sosial berkurangan

KAMPUNG NELAYAN

Keluarga yang tidak bermasalah akan melahirkan anak yang cemerlang dan berguna pada masa depan.

Ketua Jamaah Islamiah Malaysia (JIM) Daerah Sabak Bernam, Hanifuddin Roslan berkata, anak-anak yang berkualiti akan mengurangkan gejala sosial dalam masyarakat.

"Pembinaan masyarakat perlu dilakukan secara bersama. Kita bukan sahaja mahu membentuk masyarakat yang soleh tetapi juga masyarakat yang musleh. Kita mahu lahirkan masyarakat yang cemerlang dan golongan yang dapat membawa kepada pembaikan melalui pembinaan sah-siah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Karnival Keluarga Sihat dan Penyayang dianjurkan bersama Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Besar / Sungai Lias, Surau Ulumuddin dan JIM Daerah Sabak Bernam, di Surau Ulumuddin di sini.

Program itu bertujuan untuk mewujudkan keluarga sihat dan cemerlang



● Orang ramai yang hadir mengambil kesempatan melakukan pemeriksaan kesihatan percuma pada Karnival Keluarga Sihat dan Penyayang di Surau Ulumuddin.

**soleh
musleh**

34 06/03/09 M/S 20
yang soleh serta musleh di mana pada masa yang sama mewujudkan hubungan erat dalam masyarakat, JKKK dan badan bukan kerajaan (NGO).

Hanifuddin berkata, program terbabit juga diadakan bagi bertemu terus dengan akar umbi kerana pihaknya yakin apabila individu baik, akan melahirkan masyarakat yang bermutu dan apabila masyarakat baik, akan menjadikan negara juga maju.

Katanya, antara pengisian program adalah ceramah

kesihatan dan kekeluargaan, pameran keselamatan jalan raya, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Lembaga Zakat Selangor, pemeriksaan kesihatan percuma dan gerai jualan.

Beliau berkata, sebanyak 4,000 helai memo diedarkan di kawasan sekitar seperti Tebuk Pulai, Panchang Bedena, Sungai Besar, Sungai Lias dan Kampung Nelayan.

Katanya, pihaknya akan sentiasa berusaha untuk menarik lebih ramai masyarakat untuk hadir ke majlis ilmu yang diadakan

supaya dapat memberikan pendidikan.

"Sambutan yang diberikan amat memuaskan biarpun tidak seperti yang kita harapkan namun ia di luar jangkaan kami. Pengalaman lalu, sambutan agak kurang, kita akan teruskan berulang kali supaya masyarakat sedar secara perlahan-lahan dan akan menarik lebih ramai untuk hadir ke program ilmu yang dianjurkan.

Beliau turut mengucapkan setinggi penghargaan kepada agensi dan semua yang terlibat menjayakan program berkenaan.